

Bina naratif baharu sejarah negara

Um 5/9/2020 ml: 16

**RATNA
ROSHIDA
AB. RAZAK**



APAKAH makna dan nilai 63 tahun kemerdekaan negara? Persoalan ini cukup penting agar dengan jawapan yang kita ada, dapat membantu negara membina naratifnya yang baharu. Iaitu sebuah penceritaan tentang rakyatnya yang benar-benar memahami dan menzahirkan makna dan nilai kemerdekaan dalam usaha membina sebuah kehidupan yang penuh kesejahteraan.

Semasa di bangku sekolah, kita sering ditonjolkan tentang kehebatan para pemimpin berusaha untuk mendapatkan kemerdekaan, sehinggalah tiada titisan darah yang tumpah.

Kemerdekaan dicapai secara rundingan antara tiga kaum yang masing-masing diwakili Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lok dan Tun V.T. Sambanthan. Inilah hasil perjuangan yang dikuatkan lagi dengan sifat toleransi dan tolak ansur sangat tinggi oleh orang Melayu yang akhirnya membuahkan sebuah pengorbanan yang bukan sedikit, iaitu sebuah perkongsian. Meskipun terlepas daripada belunggu penjajah, namun Tanah Melayu tetap tidak menjadi milik mutlak orang Melayu, tetapi juga kaum Cina dan India yang asalnya dijemput datang sebagai pekerja untuk sektor perladangan dan perlombongan.

Kehidupan yang pelbagai dalam kehidupan seharian bermula dengan cara berfikir, pastinya merupakan satu cabaran yang besar untuk Malaysia. Salah satu usaha yang dikira sangat penting untuk rakyat pada hari ini ialah kembali menghayati dan menterjemahkan Rukun Negara.

TRAGEDI 13 MEI

Sebagaimana ditekankan oleh Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak, semasa mengetuai Majlis Perundingan Nasional, iaitu sebuah badan yang bertanggungjawab menggubal Rukun Negara. Beliau menegaskan, rahsia kejayaan Rukun Negara



PERDANA Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin (tengah) melafazkan ikrar Rukun Negara diiringi Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique dalam majlis pelancaran Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Rukun Negara di Putrajaya, baru-baru ini.

**“
Bagaimanapun,
selepas 63 tahun
mencapai
kemerdekaan,
Rukun Negara
masih dilihat gagal
untuk menjadi
wahana perpaduan
bagi membentuk
negara bangsa yang
penuh dengan
nilai kemesraan.”**

adalah pada keupayaan rakyat Malaysia menterjemahkannya dalam kehidupan seharian dengan penuh jujur dan ikhlas. Rukun Negara diperkenalkan selepas tragedi 13 Mei 1969. Prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya jelas merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan dan kesejahteraan negara secara keseluruhan.

Bagaimanapun, selepas 63 tahun mencapai kemerdekaan, Rukun Negara masih dilihat gagal untuk menjadi wahana perpaduan bagi membentuk negara

bangsa yang penuh dengan nilai kemesraan. Dalam hal ini, kita perlu memahami bahawa keupayaan untuk menterjemahkannya dalam kehidupan setiap warganegara semestinya perlu datang daripada kemahuan dan komitmen setiap individu daripada semua kaum.

Seumpama kaki meja yang tugasnya menampung meja, begitu jugalah Rukun Negara yang berperanan untuk memastikan kehidupan rakyat berada dalam keadaan aman dan sejahtera. Andainya mana-mana kaki pada meja tersebut patah, maka keadaan secara keseluruhan juga terancam. Dengan kata mudah, lemah atau kuat, aman atau damai kehidupan dalam aspek perpaduan, semuanya bergantung kepada keupayaan mengamalkan setiap prinsip yang ada dengan penuh kesungguhan dan kejujuran.

Kegagalan untuk mengamalkannya dalam kehidupan seharian menjadikan Rukun Negara hanya tinggal sekadar dokumen ideologi kebangsaan. Rakyat umpama kehilangan roh patriotik. Rukun Negara bukan sekadar perlu diketahui, tetapi lebih daripada itu. Perlu diperah hingga keluar nilai yang ada di dalamnya lalu dicernakan dalam kehidupan seharian.

ROH

Agama melalui prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan menjadi asas utama dalam kehidupan rakyat. Inilah pasak utama yang seharusnya menjadi teras dalam kehidupan rakyat yang hampir kesemuanya memiliki agama. Melalui roh beragama, aspek spiritual seseorang berjaya dihidupkan.

Prinsip kedua, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara dan ketiga, Keluhuran Perlembagaan, seringkali dicabar. Contohnya, Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahasa rasmi dalam urusan kerajaan ialah bahasa Melayu. Namun ada golongan yang mencabar perkara itu.

Prinsip keempat, iaitu Kedaulatan Undang-Undang dan yang kelima, Kesopanan dan Kesusilaan. Kedua-dua prinsip ini dilihat masih lagi belum menjadi amalan rakyat. Andainya kita masih lagi berdepan kes kemalangan jalan raya yang tidak pernah berkurangan, hal ini menunjukkan adab rakyat sebagai pengguna masih lagi perlu diperbaiki. Sesungguhnya kesopanan dan kesusilaan sesuatu bangsa itu perlu dizahirkan dalam seluruh aspek kehidupan sosial mereka andainya kesejahteraan,

keamanan dan kedamaian menjadi idaman rakyat.

Kelima-lima prinsip dalam Rukun Negara perlu dipastikan berdirinya dengan tegak dan kukuh. Andainya runtuh satu tiang, maka tempanglah keadaan. Sama juga, andainya rukun yang lain berjaya diamalkan, namun ada rukun-rukun yang cuba dicabar, di sinilah bermula konflik sebenar.

Justeru, rakyat tiada pilihan lain, melainkan perlu menghayati dan menterjemahkannya secara menyeluruh dengan penuh keikhlasan dan hati terbuka.

Bermula dengan apa yang terkandung dalam ajaran agama yang dipegang hinggalah kepada keindahan atau seni kehidupan melalui kesopanan dan kesusilaan, iaitu melalui akhlak yang dizahirkan, kesemua prinsip Rukun Negara merupakan acuan untuk mencorakkan kehidupan rakyat Malaysia pelbagai kaum mengecapi keadaan penuh kesejahteraan dan keharmonian. Usaha dan kejayaan inilah yang akan mengisi naratif baharu bagi Malaysia setelah menikmati 63 tahun usia kemerdekaan.

PENULIS ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).